

Utusan Malaysia Mac 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	5 Mac 2019	SPRM tahan 8 pegawai penjara dipercayai terima rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	5 Mac 2019	Penolong jurutera ditahan SPRM terlibat penggubahan wang haram	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3.	6 Mac 2019	Pegawai tadbir IPTA direman kes rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
4.	7 Mac 2019	Pegawai penjara direman Bantu siasatan terima suapan lebih RM120,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
5.	7 Mac 2019	Tanah kuil: Tan Sri bebas reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
6.	8 Mac 2019	Rasuah : Timbalan pengarah, pegawai Imigresen direman lima hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
7.	8 Mac 2019	Laporan SPRM terhadap Samy Vellu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	11
8.	13 Mac 2019	Dewan Rakyat 'panas' isu projek terowong bawah laut	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
9.	14 Mac 2019	Kes Najib, Arul Kanda dipindah ke Mahkamah Tinggi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	15
10.	18 Mac 2019	Lindung rumah urut : Ketua balai, PBT ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
11.	19 Mac 2019	Skandal Projek RM30 juta: 3 suspek direman 5 hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
12.	19 Mac 2019	Sah! Ketua balai, dua anggota ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
13.	20 Mac 2019	Rasuah RM5,000: Pegawai kanan SKM tidak mengaku salah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
14.	20 Mac 2019	Bekas pengarah syarikat dipenjara dua minggu palsukan dokumen	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
15.	20 Mac 2019	Lindungi rumah urut, SPRM ada senarai penguat kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
16.	26 Mac 2019	Projek IT: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM dibebaskan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
17.	28 Mac 2019	Pejabat agensi kerajaan diserbu SPRM hari ini	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
18.	28 Mac 2019	Tuntutan palsu RM209,233: Pembantu tadbir ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
19.	29 Mac 2019	ASP Bukit Aman didakwa lagi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
20.	29 Mac 2019	Pembantu tadbir kerajaan negeri buat tuntutan palsu bernilai RM209,233	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32

5 Mac 2019

1. SPRM tahan 8 pegawai penjara dipercayai terima rasuah

PULAU PINANG 5 Mac - Seramai lapan pegawai penjara dan seorang pemandu kenderaan warga asing ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes menerima wang rasuah yang dianggarkan bernilai lebih RM120,000.

Menurut sumber, kesemua pegawai penjara berusia antara 25 tahun hingga 44 tahun tersebut ditahan di sekitar negeri ini, Kedah dan Pahang antara pukul 9.45 pagi hingga 10.30 pagi tadi.

Turut ditahan ialah seorang pemandu kenderaan warga Indonesia berusia 45 tahun di negeri ini pukul 9.50 pagi tadi.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati kesemua pegawai penjara tersebut itu menerima wang suapan dianggarkan bernilai lebih RM120,000 daripada pemandu kenderaan tersebut yang bertindak sebagai orang tengah sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap kemasukan barang terlarang ke dalam penjara.

"SPRM akan mendapatkan perintah tahanan reman terhadap kesemua suspek pagi esok di Mahkamah Majistret di sini.

"Kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut namun tidak mengulas lanjut berhubung kes berkenaan.

5 Mac 2019

2. Penolong jurutera ditahan SPRM terlibat pengubahan wang haram

JOHOR BAHRU 5 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri menahan seorang bekas penolong jurutera mekanikal kerana kesalahan pengubahan wang haram.

Hasil siasatan mendapati suspek melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang berjumlah lebih RM180,000 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pelbagai perbelanjaan untuk pengubahsuaian rumahnya.

Suspek lelaki berusia 44 tahun tersebut ditahan di Pejabat SPRM Johor di sini kira-kira pukul 11 pagi bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengarah SPRM negeri, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dibuat.

Pada Oktober tahun lalu, suspek dituduh di Mahkamah Seksyen 1, Melaka di bawah kesalahan seksyen 16(a)(A) 2009 kerana menerima suapan iaitu wang tunai dan barang pembinaan rumah berjumlah hampir RM500,000 daripada kontraktor sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar.

6 Mac 2019

3. Pegawai tadbir IPTA direman kes rasuah



SEORANG pegawai tadbir sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini direman selama tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes meminta rasuah bernilai RM10,500.

KUALA TERENGGANU 6 Mac - Seorang pegawai tadbir sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini direman selama tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes meminta rasuah bernilai RM10,500.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret Kuala Terengganu, Wan Aziantie Ab Karim di sini hari ini.

Suspek yang berusia 40 tahun itu ditahan ketika dipanggil memberi keterangan berhubung kes terbabit di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) cawangan Terengganu di sini pukul 5.10 petang semalam.

Suspek dikatakan meminta wang rasuah kira-kira RM10,500 daripada dua kontraktor sebagai balasan memilih syarikat tersebut bagi kerja-kerja pembekalan di universiti itu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan antara tahun 2017 hingga 2018 dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

4. Pegawai penjara direman

Bantu siasatan terima suapan lebih RM120,000



LAPAN pegawai penjara didakwa menerima suapan daripada orang awam dan seorang wanita warga Indonesia direman di Mahkamah Majistret Pulau Pinang, semalam.

PULAU PINANG 6 Mac - Seramai lapan pegawai penjara direman selama enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima wang suapan dianggarkan bernilai lebih RM120,000 dari- pada seorang warga asing.

Selain itu, turut direman bagi membantu siasatan kes ialah seorang wanita warga Indonesia berusia 45 tahun kerana didakwa bertindak menjadi orang tengah dalam kes terbabit. Wanita berkenaan disyaki waris kepada banduan yang sedang ditahan di penjara.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Pegawai Pendaftar Mahkamah Rendah (Jenayah), Muna Maria Azmi di Mahkamah Majistret Georgetown di sini.

Semalam, lapan pegawai penjara itu yang berusia antara 25 tahun dan 44 tahun ditahan di sekitar Pulau Pinang, Kedah dan Pahang di antara pukul 9.45 pagi hingga 10.30 pagi.

Mereka yang ditahan terdiri daripada enam pegawai dari Penjara Pokok Sena, Kedah manakala seorang dari Penjara Bentong, Pahang dan seorang lagi dari Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang.

Siasatan awal mendapati kesemua pegawai penjara tersebut telah menerima wang suapan yang dianggarkan bernilai lebih RM120,000 daripada wanita berkenaan sebagai 'upah' membawa barang

larangan seperti rokok, tembakau, makanan dan bahan dipercayai dadah kepada banduan di antara 2017 dan 2018.

Nilai wang suapan yang diterima oleh mereka yang disyaki terlibat adalah berbeza iaitu antara RM6,000 hingga RM52,000. Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

7 Mac 2019

5. Tanah kuil: Tan Sri bebas reman



TIGA individu termasuk seorang lelaki bergelar Tan Sri yang disiasat berhubung projek pembangunan sebidang tanah dimiliki Kuil Sri Mahamariamman Devasthanam di Jalan Bandar, Kuala Lumpur tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya.

PUTRAJAYA 7 Mac - Mahkamah Majistret di sini hari ini membebaskan seorang lelaki bergelar Tan Sri yang ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung satu projek pembangunan sebidang tanah dimiliki Kuil Sri Mahamariamman Devasthanam di Jalan Bandar, Kuala Lumpur.

Majistret Noraisyah Mohd. Yusof membuat keputusan itu setelah menolak permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar tempoh reman lelaki berkenaan dilanjutkan tujuh hari lagi.

Mahkamah juga mengarahkan Tan Sri itu dibawa untuk ke Hospital Putrajaya untuk pemeriksaan kesihatan sebelum dilepaskan dengan jaminan SPRM pada pukul 5 petang ini.

Selain itu, tempoh dua lagi suspek termasuk anak kepada Tan Sri yang bergelar Datuk itu disambung sehari lagi.

Ketiga-tiga lelaki itu sebelum ini direman selama tiga hari bermula Selasa lalu membabitkan kes tersebut.

Terdahulu, Tan Sri itu tiba di Mahkamah Majistret di sini hari ini pada pukul 9.08 pagi dengan berkerusi roda dan berpakaian reman SPRM.

Difahamkan, ketiga-tiga individu yang berumur antara 45 hingga 75 tahun itu bertanggungjawab menguruskan sebuah kuil Hindu di Batu Caves, Selangor.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan SPRM merampas wang tunai lebih RM1 juta, beberapa barang kemas dan jam berjenama yang jumlahnya tidak dipastikan dalam serbuan di kediaman Tan Sri itu pada pukul 7.45 malam, Isnin lalu.

Menurut sumber, wang tersebut dipercayai merupakan baki wang bagi pembinaan banglo miliknya yang diberikan pemaju untuk projek pembangunan tanah berkenaan.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, seorang pemimpin PKR menggesa SPRM menyiasat pengurusan sebuah kuil berhubung dakwaan penyelewengan dana kerajaan dan penderma.

Kuil di Jalan Bandar itu adalah yang tertua di Kuala Lumpur dan diuruskan Lembaga Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman Devasthanam.

Lembaga berkenaan turut menguruskan Kuil Batu Malai Sri Subramaniar di Batu Caves dan Kuil Kortumalai Vinayagar di Persiaran Maybank.

8 Mac 2019

6. Rasuah : Timbalan pengarah, pegawai Imigresen direman lima hari

TIMBALAN pengarah dan pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Negeri Sembilan direman lima hari bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu di Mahkamah Khas Reman Seremban hari ini.

RASAH 8 Mac - Seorang timbalan pengarah dan seorang pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Negeri Sembilan direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu berjumlah RM17,856.

Perintah reman terhadap dua wanita berusia 42 dan 38 tahun itu dikeluarkan Majistret Rahimah Rahim selepas membenarkan permohonan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri, Mohd. Khairi Abdul Karim.

Kedua-dua suspek disyaki bersubahat membuat pengesahan penerimaan bekalan atau perkhidmatan daripada RZ Biz Enterprise bagi Program Pengurusan Menangani Konflik Pegawai di Tempat Kerja di Depot Imigresen Lenggeng di sini yang mana program itu tidak dijalankan dan tiada bekalan atau perkhidmatan dibuat.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu pada 21 Nov tahun lalu.

Kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.

Kedua-dua suspek ditahan masing-masing pada pukul 5.50 petang dan 6 petang semalam di pejabat mereka di Jabatan Imigresen negeri di sini.

7. Laporan SPRM terhadap Samy Vellu**SAMY VELLU**

PUTRAJAYA 8 Mac - Satu laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dibuat terhadap bekas Presiden MIC, Tun S. Samy Vellu berhubung isu penyelewengan transaksi 101 ekar tanah di Sungai Siput, Perak.

Laporan itu dibuat oleh bekas Ketua Bahagian MIC Sungai Siput, M. Lokanathan di Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Menurut Lokanathan, Samy Vellu didakwa membeli 101 ekar tanah daripada sebuah koperasi itu yang kononnya untuk rancangan membina kediaman bagi ahli-ahli koperasi terlibat.

Dakwa beliau, tanah itu telah dibeli dengan harga jauh lebih murah daripada nilai pasaran iaitu RM11,000 berbanding RM68,000.

"Tanah tersebut sebenarnya tidak boleh dijual kepada pihak ketiga selain daripada ahli pemegang saham daripada koperasi tersebut.

"Namun sehingga kini, tiada sebarang pembangunan rumah di atas tanah itu, malah pemilikannya tanah itu kini ditukar nama ke atas ahli perniagaan bukan kaum India dan bukan ahli koperasi itu," dakwanya dalam sidang akhbar di pekarangan Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Dakwa Lokanathan lagi, hasil pemeriksannya mendapati tanah itu kini telah bertukar milik ke atas ahli perniagaan berkenaan.

"Justeru itu, kami menggesa tanah itu dikembalikan semula kepada ahli-ahli koperasi yang berhak ke atas tanah tersebut.

"Kami mahu siasatan segera bagi menentukan sama ada lot tanah berkenaan digunakan untuk kepentingan awam atau kemungkinan wujud penyelewengan," dakwanya.

Dakwanya, sehingga kini SPRM tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyiasat walaupun memandangkan sebelum ini dua laporan telah dibuat masing-masing pada 2016 dan 2017.

8. Dewan Rakyat 'panas' isu projek terowong bawah laut

KETUA Pembangkang yang juga Ahli Parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang Dean Rakyat di Bangunan Parlimen.

KUALA LUMPUR 13 Mac - Beberapa penyokong kerajaan terutama daripada DAP dilihat 'panas' apabila penulisan penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin mengenai projek terowong dasar laut Pulau Pinang dibangkitkan dalam sidang Dewan Rakyat sebentar tadi.

Persidangan menjadi tidak terkawal apabila Ketua Pembangkang, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membangkitkan kandungan penulisan tersebut yang didakwa mengaitkan Menteri Kewangan yang juga Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Ismail Sabri berkata, Menteri Kewangan perlu menjawab tulisan Raja Petra berhubung projek tersebut memandangkan secara berani menuduh menteri itu terlibat dalam penyelewengan projek.

Kata-kata ini menaikkan rasa marah RSN Rayer (DAP-Jelutong) dan beberapa lagi penyokong kerajaan yang menganggap ia satu sangkaan jahat terhadap Guan Eng.

Pertikaman lidah itu berlarutan lebih lima minit apabila penyokong kerajaan mahu rujukan tulisan Raja Petra itu ditarik balik manakala pembangkang menjelaskan perkara itu mahu dijawab oleh Guan Eng.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md. Yusof akhirnya meminta perkara itu tidak disebutkan lagi dan mahu Ismail Sabri meneruskan ucapan Ketua Pembangkang Menjunjung Kasih Yang di-Pertuan Agong.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum ini telah membuat laporan polis berhubung pendedahan Raja Petra mengenai kebocoran kertas siasatan membabitkan Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang yang didakwa melibatkan Guan Eng dan beberapa pemimpin kanan DAP

14 Mac 2019

9. Kes Najib, Arul Kanda dipindah ke Mahkamah Tinggi

KUALA LUMPUR 14 Mac - Kes melibatkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berhubung pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan didengar di Mahkamah Tinggi.



NAJIB RAZAK

Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan pasukan pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Amir Nasrudin untuk memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi.

Bagaimanapun, tarikh pengurusan kes akan ditetapkan kemudian.

Sementara itu, peguam Muhammad Farhan Muhammad Shafee yang mewakili Najib dan Datuk N. Sivananthan bertindak bagi pihak Arul tidak membantah permohonan pihak pendakwaan itu.

Pada 12 Disember lalu, bekas Perdana Menteri itu mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan perlindungan daripada dikenakan tindakan tatatertib berhubung pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB.

Mengikut pertuduhan, Najib, 66, didakwa telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri mengarahkan agar Laporan Akhir Pengauditan 1MDB yang sedang disediakan dipindah sebelum ia dimuktamadkan dan dibentang kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) bagi melindungi diri daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berhubung syarikat pelaburan itu.



ARUL KANDA

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Sementara itu, Arul pula didakwa bersubahat dengan Najib untuk meminda laporan tersebut bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) SPM 2009 di baca bersama Seksyen 23 (1) & 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman serupa.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya di antara 22 dan 26 Februari 2016.

18 Mac 2019

10. Lindung rumah urut : Ketua balai, PBT ditahan

KUALA LUMPUR 18 Mac - Lapan penjawat awam yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) hari ini kerana terlibat dalam aktiviti sindiket rumah urut di sekitar ibu negara merupakan pegawai dan anggota dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurut sumber, masing-masing empat pegawai dan anggota PDRM serta PBT itu ditahan dalam satu operasi khas SPRM bermula pukul 10.15 pagi sehingga 4.30 petang ini.

Ujarnya, turut ditahan dalam operasi itu seorang daripadanya merupakan ketua balai.

"Kesemua penjawat awam itu dikatakan berperanan sebagai individu yang melindungi rumah-rumah urut tersebut daripada diserbu oleh pihak berkuasa.

"Selain mereka, SPRM turut menahan lapan lagi orang awam yang berperanan sebagai runner bagi mengutip wang perlindungan dari pengusaha-pengusaha rumah urut tersebut," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Laporan eksklusif Buletin Utama hari ini mendedahkan mengenai SPRM mengempur pelindung pusat urut haram di sekitar ibu negara.

Dalam laporan terbabit mendedahkan satu operasi khas dinamakan Op Jejak dan Kotaraya telah dilakukan di 16 lokasi berasingan hari ini sebelum menahan 16 suspek.

11. Skandal Projek RM30 juta: 3 suspek direman 5 hari

SEORANG pegawai kanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan dua pengarah syarikat IT direman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan skandal projek bernilai RM30 melibatkan SSM

PUTRAJAYA 19 Mac- Seorang pegawai kanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan dua pengarah syarikat IT terkemuka di ibu negara direman selama lima hari bermula hari ini.

Ketiga-tiga suspek lelaki berkenaan direman sehingga 23 Mac ini bagi membantu siasatan berhubung dakwaan skandal projek melibatkan SSM dianggarkan bernilai RM30 juta.

Perintah reman terhadap suspek dikeluarkan Majistret Ahmad Asyraf Mohammad Kamal selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu suspek yang berumur antara 44 hingga 56 tahun itu dibawa ke Mahkamah Majistret di sini bagi mendapatkan perintah reman pada pukul 9.20 pagi dengan tangan bergari.

Semalam, ketiga-tiga suspek ditahan kira-kira pukul 11 pagi di pejabat dan rumah mereka di sekitar Petaling Jaya, Selangor serta ibu negara.

Menurut sumber, pegawai kanan berpangkat pengarah itu dikatakan telah bersubahat dengan dua syarikat IT terbabit bagi mendapatkan kelulusan menawarkan perkhidmatan perisian sijil diakui sah

tanpa mengikut peraturan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Ujarnya, dua pengarah syarikat terbabit pula dipercayai telah mengaut keuntungan dengan melakukan perkhidmatan perisian tanpa mengikut peraturan SKMM.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, SPRM tidak menolak kemungkinan terdapat satu lagi syarikat yang turut terlibat melakukan kegiatan itu," katanya

19 Mac 2019

12. Sah! Ketua balai, dua anggota ditahan SPRM

KUALA LUMPUR 19 Mac- Polis mengesahkan tangkapan seorang ketua balai serta dua anggotanya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di ibu negara semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, beliau telah mengarahkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman serta Ketua Polis Kuala Lumpur untuk menjalankan siasatan dalaman.

Menurutnya, bagaimanapun, siasatan kes itu dijalankan oleh pihak SPRM.

"Yang ditahan adalah ketua balai dan dua anggota di Kuala Lumpur, tetapi saya tidak boleh cakaplah balai mana.

"Beberapa arahan khusus telah diberikan kepada ketua polis negeri dan ketua polis daerah. Jadi jika ada pegawai-pegawai atau anggota kita terlibat, kita akan ambil tindakan," katanya dalam sidang akhbar di Mes Pegawai Kanan Ibu pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini.

Semalam, akhbar melaporkan lapan penjawat awam dari pegawai dan anggota PDRM serta pihak berkuasa tempatan (PBT) yang ditahan SPRM selepas terlibat dalam aktiviti sindiket rumah urut di sekitar ibu negara.

Menurut sumber, masing-masing empat pegawai dan anggota PDRM serta PBT itu ditahan dalam satu operasi khas SPRM bermula pukul 10.15 pagi sehingga 4.30 petang. "Kesemua penjawat awam itu dikatakan berperanan sebagai individu yang melindungi rumah-rumah urut tersebut daripada diserbu oleh pihak berkuasa.

"Selain mereka, SPRM turut menahan lapan lagi orang awam yang berperanan sebagai runner bagi mengutip wang perlindungan dari pengusaha-pengusaha rumah urut," kata sumber tersebut.

20 Mac 2019

13. Rasuah RM5,000: Pegawai kanan SKM tidak mengaku salah

PENGARAH Pengurusan Dana dan Pelaburan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Mohamad Zawawi Mahmud (tengah) yang dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan, Pahang hari ini mengaku tidak bersalah atas pertuduhan rasuah berjumlah RM5,000 pada 2016.

KUANTAN 20 Mac - Pengarah Pengurusan Dana dan Pelaburan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Mohamad Zawawi Mahmud mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan rasuah berjumlah RM5,000 pada 2016.

Mohamad Zawawi, 56, yang pernah bertugas sebagai Pengarah SKM negeri membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Mohd. Ghazali Mohamad Taib.

Beliau didakwa mendorong Ketua Unit Promosi dan Pengembangan SKM Pahang menyerahkan kepadanya peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi berjumlah RM5,000 untuk kegunaan Seminar Usahawan Muda Berkoperasi Daerah Rompin di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Rompin dekat sini pada 18 Oktober 2016 sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan berkenaan di SKM negeri pada 10 Oktober 2016.

Pertuduhan itu dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Fadly Mohd. Zamry mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat atau denda.

Beliau mencadangkan jumlah jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin manakala peguam tertuduh, Muhammad Amirul Afiqq Mohamad Lokman merayu jumlah ikat jamin dikurangkan kerana Mohamad Zawawi memberikan kerjasama yang memuaskan sepanjang siasatan kes bermula September 2018.

Mohd. Ghazali membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 22 April ini untuk sebutan semula kes.

20 Mac 2019

14. Bekas pengarah syarikat dipenjara dua minggu palsukan dokumen

IPOH 20 Mac - Seorang bekas pengarah syarikat besi buruk dijatuhkan hukuman penjara selama dua minggu dan didenda RM24,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah atas enam pertuduhan memalsukan dokumen lapan tahun lalu.

Hakim S. Indra Nehru turut memerintahkan tertuduh, Thai Wai Kuan, 51, dipenjara selama enam bulan bagi kesemua pertuduhan jika gagal membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa memalsukan dokumen 'weighing slip' Siputeh Sawit Sdn. Bhd. serial no: 00000000 dengan niat supaya dokumen palsu tersebut digunakan bagi tujuan menipu syarikat Camfill Farr Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat Strategic Metalpac Sdn. Bhd. dalam daerah Kinta pada 4 Januari 2011.

Bagi pertuduhan kedua sehingga keenam, tertuduh didakwa memalsukan dokumen sama dengan niat serupa di tempat sama antara 28 Jun 2011 sehingga 15 Januari 2013.

Kesemua pertuduhan yang dikemukakan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaaan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, peguam Mohd Fadly Hashim yang mewakili tertuduh, memohon supaya hukuman terhadap anak guamnya dikurangkan kerana tertuduh telah insaf dengan perbuatannya selain telah menutup syarikat berkenaan dan kini bekerja sebagai ejen insurans tanpa pendapatan tetap.

Selain itu katanya, tertuduh merupakan satu-satunya anak menjaga ibunya yang menghidap penyakit Parkinson selain menanggung seorang isteri dan anak.

"Walaupun tidak dinyatakan anggaran kerugian, namun secara kasarnya kerugian dianggarkan bernilai RM12,000 bagi kesemua pertuduhan," katanya.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, R. Kumuthambal.

20 Mac 2019

15. Lindungi rumah urut, SPRM ada senarai penguat kuasa

KUALA LUMPUR 19 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai senarai nama penguat kuasa disyaki menerima wang sogokan untuk melindungi kegiatan rumah urut di kawasan 14 suspek termasuk seorang ketua polis balai ditahan dalam operasi yang dijalankan suruhanjaya itu di sini semalam.

Sumber berkata, SPRM kini sedang mengesan mereka yang terlibat untuk membantu siasatan.

Menurutnya, siasatan yang dijalankan SPRM mendapati penguat kuasa terlibat melindungi dan menerima wang sogokan daripada lebih 15 pemilik rumah urut haram dan melanggar syarat lesen di kawasan berkenaan sejak tiga hingga lima tahun lalu.

Ujarnya, setiap premis dipercayai membayar wang perlindungan berjumlah RM3,000 hingga RM5,000 sebulan kepada satu agensi penguat kuasa dan jumlah tersebut akan dibahagikan kepada anggota daripada penguat kuasa terlibat mengikut ranking jawatan.

"Jumlah sama juga akan dibayar kepada agensi penguat kuasa lain dan setiap penguat kuasa mampu memperoleh wang perlindungan hampir RM100,000 sebulan hasil kutipan daripada semua rumah urut di kawasan terbabit.

"Terdapat orang awam yang menjadi perantara atau dipanggil 'PR' untuk mengutip wang sogokan dari pengendali rumah urut untuk penguat kuasa terlibat," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dalam operasi khas 'Op Jejak dan Kota Raya' yang dijalankan SPRM semalam, 14 orang termasuk tujuh penjawat awam ditahan kerana dipercayai terlibat menerima sogokan daripada pengusaha rumah urut di sekitar ibu negara.

Dari pada tujuh penjawat awam yang ditahan terdapat tiga anggota polis termasuk seorang berpangkat ketua polis balai.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun telah mengarahkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman serta Ketua Polis Kuala Lumpur memulakan siasatan dalaman berhubung kes itu.

Bagaimanapun, jelasnya, siasatan kes dijalankan oleh SPRM.

"Arahan serta-merta telah dikeluarkan. Apa yang jelas, beberapa arahan khusus telah diberi kepada ketua polis negeri dan ketua polis daerah. Jika ada pegawai-pegawai atau anggota kita terlibat, kita akan ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani memorandum persefahaman antara Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) serta Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia dan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) di Ibu pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini.

Pada majlis itu, KPDRM diwakili Pengurusnya, Datuk Seri Ayub Yaakob manakala PIKM diwakili Presidennya, Datuk Seri Mustapa.

Dalam pada itu, tujuh penjawat awam termasuk seorang ketua polis balai yang merupakan antara 14 suspek yang ditahan SPRM semalam direman selama empat hari bermula hari ini.

Turut direman selama empat hari ialah tiga individu yang berperanan sebagai orang tengah atau 'runner' sementara empat pemilik pusat urut pula direman selama lima hari bermula hari ini bagi siasatan berhubung kes yang sama.

26 Mac 2019

16. Projek IT: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM dibebaskan

DUA suspek termasuk Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dibebaskan selepas ditahan berhubung skandal projek perkhidmatan perisian IT di Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA 26 Mac - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dibebaskan hari ini selepas direman lima hari berhubung skandal projek perkhidmatan perisian teknologi maklumat (IT) bernilai RM30 juta.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM yang berumur 48 tahun itu dibebaskan dengan jaminan sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin.

Turut dibebaskan beserta jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin ialah seorang pengarah urusan syarikat berumur 52 tahun yang sebelum ini turut direman selama lima hari.

Perintah tamat reman dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kedua-dua suspek itu itu dikeluarkan oleh Majistret Ahmad Asyraf Mohamed Kamal.

Menurut sumber, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 manakala pengarah urusan syarikat pula disiasat di bawah Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

Pada 21 Mac lalu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM itu ditahan kira-kira pukul 12.30 tengah hari di Ibu Pejabat SPRM di sini manakala pengarah urusan syarikat ditahan pada pukul 11 malam.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM itu didakwa meluluskan kertas untuk pembentangan ahli lembaga pengarah bagi projek berkenaan.

DIfahamkan, kedua-dua suspek didakwa bershababat dengan tiga individu yang direman sebelum ini yang disyaki melakukan kegiatan itu sejak 2017.

Pada 19 Mac lalu, tiga lelaki yang terdiri daripada seorang pegawai kanan SSM dan dua pegawai syarikat terkemuka IT direman selama lima hari berhubung kes yang sama.

28 Mac 2019

17. Pejabat agensi kerajaan diserbu SPRM hari ini

KUALA LUMPUR 28 Mac - Sebuah pejabat agensi kerajaan di ibu negara diserbu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi membantu siasatan berhubung skandal projek Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang dianggarkan bernilai RM500 juta

Selain agensi berkenaan, turut diserbu ialah sebuah lagi syarikat yang mempunyai kaitan dan dipercayai terlibat dalam penyelewengan bernilai RM33.3 juta.

Menurut sumber, SPRM pada mulanya menyerbu syarikat berkaitan agensi tersebut kira-kira pukul 11 pagi.

Ujarnya, susulan itu, satu lagi serbuan dilakukan SPRM di agensi berkenaan kira-kira pukul 12.30 tengah hari ini.

"Kedua-dua kes yang disiasat adalah kes yang berasingan namun mempunyai kaitan satu sama lain.

"Berikutnya itu, SPRM hadir ke dua-dua pejabat berkenaan bagi mendapatkan beberapa dokumen bagi membantu siasatan," katanya di sini hari ini.-

28 Mac 2019

18. Tuntutan palsu RM209,233: Pembantu tadbir ditahan



SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

KUANTAN 28 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri hari ini menahan seorang pembantu tadbir berhubung kes tuntutan palsu sewaktu bertugas di dua jabatan kerajaan di negeri ini.

Pembantu tadbir wanita berusia 33 tahun itu ditahan kerana disyaki memalsukan 32 tuntutan pembiayaan perubatan kesuburan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia berjumlah RM209,233 antara tahun 2014 hingga 2017.

Hasil siasatan mendapati, pembantu tadbir itu mengemukakan Borang Perubatan I/09 beserta resit-resit berkaitan rawatan kesuburan kepada pejabat Perhutanan negeri dan pejabat Pertanian negeri dengan niat mengelirukan prinsipalnya terhadap tuntutan palsu tersebut.

Pembantu tadbir itu dijangka akan dituduh dalam masa yang terdekat.

Pengarah SPRM negeri, Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut

19. ASP Bukit Aman didakwa lagi

SHAH ALAM 28 Mac - Asisten Superintenden Gan Chee Liang yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam atas empat pertuduhan menerima rasuah RM1.35 juta, dua tahun lalu, hari ini didakwa lagi di Mahkamah Sesyen Shah Alam pula atas pertuduhan meminta suapan RM1.5 juta.

Bayaran itu didakwa diminta tertuduh yang juga pegawai kanan polis di Jabatan Narkotik Bukit Aman sebagai balasan menyelesaikan kes pengedaran dadah dua tahun lalu.

Pendakwaan terhadap tertuduh hari ini menjadikan jumlah pertuduhan yang dihadapi lelaki berkenaan adalah sebanyak lima pertuduhan rasuah berjumlah RM2.85 juta.

Chee Liang, 36, yang memakai pakaian biru gelap bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Chee Liang didakwa meminta rasuah sebanyak RM1.5 juta daripada Viktor Goh, 38, untuk diri sendiri sebagai dorongan menyelesaikan kes lelaki itu yang disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 di sebuah bilik Lokap Berpusat Polis Shah Alam, kira-kira pukul 11 pagi, 10 Mac 2017.

Dia boleh dipenjara sehingga 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana lebih tinggi jika disabit kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Mahkamah menetapkan jaminan RM20,000 dengan dua penjamin ke atas Chee Liang dan tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 29 April depan.

Sementara itu, dalam kes berasingan, seorang Penolong Penguin kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor direman selama tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan menerima suapan RM9,000, tiga minggu lalu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Khairul Nizam Abu Bakar terhadap suspek berusia 38 tahun itu.

29 Mac 2019

20. Pembantu tadbir kerajaan negeri buat tuntutan palsu bernilai RM209,233

PEMBANTU tadbir di Jabatan Pertanian Pahang, Mazuin Zulkifli, 33, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan atas 32 pertuduhan berhubung kes tuntutan palsu sewaktu bertugas di dua jabatan kerajaan di Pahang antara 2014 hingga 2017.

KUANTAN 29 Mac - Seorang pembantu tadbir di Jabatan Pertanian negeri hari ini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas 32 pertuduhan berhubung kes tuntutan palsu ketika bertugas di dua jabatan kerajaan di negeri ini antara 2014 hingga 2017.

Tertuduh, Mazuin Zulkifli, 33, membuat pengakuan itu selepas memahami kesemua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Mohd. Ghazali Mohamad Taib.

Mengikut kertas pertuduhan, wanita itu didakwa memalsukan 32 tuntutan pembiayaan perubatan kesuburan di Pusat Kesuburan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia berjumlah RM209,233.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu bermula 10 Oktober 2014 hingga 10 Oktober 2017 di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Jabatan Pertanian Negeri Pahang.

Siasatan mendapati, pembantu tadbir itu telah mengemukakan Borang Perubatan I/09 beserta resit-resit berkaitan rawatan kesuburan kepada dua jabatan itu dengan niat mengelirukan prinsipalnya terhadap tuntutan palsu tersebut.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai kesalahan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pertuduhan dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Fadhly Mohd. Zamry dan tertuduh diwakili peguam, Datuk Syed Azimal Amir Syed Abu Bakar.

Mohd. Ghazali membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 29 April ini untuk sebutan semula kes.